

Galak rakyat menabung

Sinar harian 20/05/2010 M/S 59

KERINCHI – Takaful Ikhlas Sdn Bhd (Takaful Ikhlas) menggalakkan orang ramai menyertai skim yang ditawarkan demi kepentingan jangka panjang dan tabungannya pada masa depan.

Naib Presiden Eksekutifnya, Wan Mohd Fadzullah Wan Abdullah berkata, Takaful Ikhlas menawarkan pelbagai skim yang berseesuaian dengan kemampuan semua pihak berlandaskan syariah Islam.

“Skim yang ditawarkan oleh Takaful Ikhlas menggalakkan masyarakat untuk saling membantu di antara satu sama lain.

“Malah, skim yang ditawarkan adalah berlandaskan Islam iaitu pampasan yang dibayar kepada peserta yang juga wang yang disimpan dan bukannya wang daripada syarikat,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyerahan Cek Tuntutan sebanyak RM81,106 kepada Naimah Abdul Satar dan RM63,234 kepada waris Allahyarham Konstabel Mohd Zulfikri Rasdi, di Ikhlas Point Tower, di sini, kelmarin.

Dalam pada itu katanya,



● Wan Mohd menyampaikan cek tuntutan kepada Naimah.

Takaful Ikhlas berjaya mengumpul aset sebanyak RM1.2 bilion dalam masa tujuh tahun sejak dilancarkan.

“Setakat ini, kami mempunyai lebih kurang 80 produk mengikut kemampuan dan kesesuaian setiap individu.

“Salah satu daripadanya adalah Skim Ikhlas Wanita Takaful iaitu skim khas bagi golongan wanita sebagai persediaan sekiranya menghadapi penyakit serius,” katanya.

Sementara itu, penerima pampasan, Naimah yang bertugas sebagai pegawai undang-undang turut menasihatkan orang ramai khususnya kaum wanita

agar menabung di dalam skim yang disediakan Takaful Ikhlas demi kepentingan masa depan.

“Saya mula menyertai skim ini setelah diperkenalkan oleh rakan yang menghadapi barah payudara, setelah menyertai skim ini selama dua tahun, saya turut disahkan menghadapi penyakit yang sama.

“Namun, saya masih bernasib baik kerana membuat tabungan awal dengan menyertai skim itu untuk menanggung kos rawatan yang diperlukan,” katanya.

Naimah berkata, dia bersyukur kerana sempat membuat tabungan untuk kebaikan sendiri,” katanya.